

Permohonan gantung pemulangan harta Najib, Rosmah ditolak

BH- 23/7/2022 mlk: 19

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini semalam menolak permohonan pihak pendakwaan bagi menggantung pelaksanaan perintah pemulangan harta yang disita daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Selain Najib dan Rosmah, keputusan dibuat Hakim Mohamed Zaini Mazlan turut membatalkan penolakan permohonan menggantung perintah pemulangan harta anak mereka iaitu Riza Shahriz Abdul Aziz dan Nor Ashman Razak, serta lima yang lain.

Keputusan itu dibuat hakim selepas mendengar hujahan daripada pihak pendakwaan selaku pemohon dan peguam yang mewakili keempat-empat mereka, selain Senijauhar Sdn Bhd, Aiman Ruslan, Goh Gaik Ewe, Roger Ng Chong Hwa (bekas pegawai bank Goldman Sachs) dan isteri, Lim Hwee Bin sebagai responden pertama hingga kesembilan.

“Saya tidak nampak alasan munasabah berkenaan permoho-

nan ini, jadi saya menolak permohonan pendakwaan untuk menggantung pelaksanaan perintah pemulangan harta,” kata hakim.

Pada 8 November tahun lalu, Mohamed Zaini memerintahkan barangan termasuk beg tangan pelbagai jenama, 27 kenderaan dan wang tunai membatalkan pelbagai mata wang yang disita daripada mereka yang didakwa mempunyai kaitan dengan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak dilucut hak kepada kerajaan Malaysia.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Harris Ong Mohd Jeffery Ong dalam hujahannya berkata, pihaknya memohon untuk penangguhan berikutan rayuan terhadap keputusan pelucuthakan itu sedang didengar di Mahkamah Rayuan.

“Mahkamah Rayuan menetapkan tarikh 6 September ini sebagai pengurusan kes dan pihak pendakwaan masih menunggu rekod rayuan.

“Saya mohon mahkamah per-

timbangkan... pihak kami sudah memfailkan permohonan rayuan dalam tempoh masa, jadi kami masih mempunyai kuasa terhadap barangan yang disita sehingga kes diputuskan di Mahkamah Rayuan,” katanya.

Bagaimanapun, peguam Datuk Tan Hock Chuan yang mewakili Roger Ng dan isterinya, berhujah pihak berkuasa membenarkan akses secara langsung kepada akaun bank milik pasangan itu susulan saman difailkan mereka terhadap dua bank berkenaan iaitu Maybank (cawangan Plaza Damansara) dan RHB Bank (cawangan Bangsar Shopping Centre Office Tower).

Bank benar akses akaun

Hock Chuan berkata, beliau juga tidak tahu sekiranya wang di dalam akaun milik anak guamnya masih wujud kerana pihak bank telah membenarkan akses terhadap akaun sejak April lalu.

“Kami akan menulis kepada Jabatan Peguam Negara untuk

tidak meneruskan rayuan terhadap keputusan itu, memandangkan mereka (Jabatan Peguam Negara) yang memberi arahan kepada pihak bank untuk membenarkan akses terhadap akaun anak guam,” katanya.

Peguam Mardhiyah Siraj dan Azamuddin Aziz, masing-masing mewakili Najib, Riza Shahriz dan Nor Ashman memohon mahkamah menolak permohonan untuk menggantung perintah pemulangan harta atas alasan tidak wujud keadaan istimewa yang membenarkan penggantungan itu.

“Pemohon juga tidak lagi mempunyai kuasa untuk menanggukkan kerana perintah sita selama 12 bulan telah tamat,” katanya.

Pada 8 November 2021, Mahkamah Tinggi menolak permohonan pendakwaan untuk melucut hak harta itu kepada kerajaan dan permohonan penangguhan dibuat sementara menunggu rayuan terhadap keputusan itu di Mahkamah Rayuan. BERNAMA